


# MELINDUNGI PEKERJA DARIPADA TEKANAN HABA

- 
- 
- 1** Memastikan semua pekerja menyesuaikan diri dengan cuaca panas / keadaan kerja yang panas.
- 2** Menjadualkan semula kerja yang melibatkan kegiatan fizikal yang berat di bawah sinaran matahari ke waktu yang lebih sejuk mengikut kesesuaian yang munasabah.
- 3** Melakukan penilaian risiko yang menangani aktiviti kerja dalam persekitaran yang panas dan aktiviti kerja yang menghasilkan haba yang berlebihan.
- 4** Menyediakan waktu rehat yang fleksibel dari haba.
- 5** Sentiasa menyediakan pekerja dengan air minuman sejuk yang mencukupi di tempat yang mudah untuk diakses.
- 6** Mengajar dengan menggalakkan pekerja memastikan diri mereka sentiasa terhidrat, mengenali gejala awal gangguan berkaitan haba dan memahami risiko dan langkah kawalan.
- 7** Menyediakan pelan persediaan kecemasan dan langkah-langkah pemulihan bagi pekerja yang disyaki mengalami kesan haba.
- 8** Memastikan *First Aider* yang dilantik di tempat kerja bersedia untuk memberikan pertolongan cemas jika perlu.
- 9** Menggalakkan pekerja untuk memakai pakaian yang longgar dan berwarna cerah.
- 10** Menyediakan pengudaraan yang mencukupi bagi pekerja yang bekerja di persekitaran yang panas dan tertutup.



Majikan dan pengamal perubatan diingatkan untuk melaporkan kes strok haba yang berkaitan dengan pekerjaan (selepas diagnosis dari pengamal perubatan) kepada SHENA dengan menekan punut 'Report an Incident' di laman sesawang SHENA, [www.shena.gov.bn](http://www.shena.gov.bn)